

KPT gigih penuhi aspirasi pendidikan tinggi negara

Peraturan, norma baharu ketika penularan COVID-19 tak rencat pencapaian UA dan IPT

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jika dihitung dari segi usia, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) baru memasuki 10 bulan selepas diwujudkan kembali di bawah pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional (PN).

Kembali pada 9 Mac lalu susulan pengumuman pembentukan Kabinet pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin selaku Perdana Menteri, KPT bertanggungjawab mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi dengan Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (PHEIS), Politeknik dan Kolej Komuniti.

Banyak perancangan berubah seiring ancaman COVID-19 dan penyesuaian terpaksa dibuat KPT, terutama waktu pengajian serta kaedah pembelajaran dan pengajaran menerusi tatacara baharu mengikut prosedur operasi standard (SOP) dibangunkan bersama Majlis Keselamatan Negara



KPT membuat penyesuaian, perancangan baharu dalam ekosistem pendidikan tinggi seiring ancaman COVID-19.

(MKN) serta Kementerian Kesihatan (KKM).

Langkah menangani penularan COVID-19 di institusi pengajian tinggi (IPT) bermula seawal Januari apabila kerajaan menyekat kemasukan pelajar dari China, seiring penggantungan sementara semua kemudahan imigresen iaitu kemudahan tanpa visa (e-ENTERY), Visa Semasa Ketibaan (VOA), e-visa dan visa manual kepada rakyat China terutama dari Wuhan dan Hubei.

Selaras pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memberi penangguhan bayaran balik pinjaman kepada semua peminjamnya berkuat kuasa serta-merta selama tiga bulan sehingga 30 Jun yang kemudiannya dilanjutkan sehingga akhir tahun ini.

PKP turut menyaksikan penangguhan permohonan kemasukan ke UA melalui saluran UPUOnline dan dilanjutkan sehingga April.

Sepanjang tempoh PKP Fasa 1 dan 2, seramai 80,000 pelajar terus berada di kam-

pus masing-masing dan mengikuti pengajian secara dalam talian.

KPT menyediakan Bilik Geraikan COVID-19 di setiap IPT, penempatan khas dan bilik pengasingan, bantuan bekalan makanan serta kafetaria dan kedai rungit secara terkawal.

Dalam hampir tiga bulan itu, timbul beberapa isu seperti pelajar kekurangan bekalan makanan dan akses kepada internet bagi mereka yang berada di luar kampus.

Sepanjang PKP, kebanyakan universiti menyediakan makanan untuk pelajar yang tinggal di kampus, selain menyelaraskan bantuan bakul makanan kepada pelajar di luar kampus, ditambah bantuan tunai one-off RM200 untuk semua pelajar IPT.

Pada 27 April, KPT mengambil keputusan menghantar pulang 80,000 pelajar di kampus secara berperingkat mengikut prosedur yang teratur dan terancang.

Bagaimanapun, ia hanya membabitkan pelajar di zon hijau yang pulang ke rumah di zon hijau.

Kejayaan KPT menyelaras pergerakan pelajar termasuk ke Sabah dan Sarawak berjalan lancar dan mendapat pujian banyak pihak.

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Perskolahan Malaysia (STPM) yang

ditunda ke Januari tahun depan tidak menjadikan kemasukan pelajar ke UA pada Julai dan Ogos tahun depan, manakala pelajar matrikulasi dan diploma diteruskan seperti biasa mulai Julai hingga Ogos lalu.

Norma baharu menyaksikan KPT mengumumkan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara dalam talian mulai Mei hingga 31 Disember ini.

Seumur aktiviti PdP secara bersama-sama tidak dibenarkan kecuali untuk lima kategori pengajian iaitu pelajar pascasiswazah mod penyelidikan, pelajar mengikut kerja klinikal, latih amal, makmal, bengkel, studio reka bentuk, praktikal atau yang memerlukan peralatan khusus serta pelajar semester/tahun akhir yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian.

Turut disenaraikan pelajar berkeperluan khas yang mengikuti program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Politeknik dan Kolej Komuniti serta pelajar baharu sesi akademik 2020/2021 di semua UA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Peraturan dan SOP baharu itu bagaimanapun tidak merencanakan pencapaian UA dan IPT di negara ini.

Buktinya pada Jun lalu, lima

universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) disenaraikan dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia.

Selain itu, 10 politeknik memperoleh pengiktirafan Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC).

Berikutnya peningkatan kes COVID-19 kepada tiga angka Oktober lalu, KPT mengumumkan penangguhan pendaftaran pelajar sesi 2020/2021 secara bersemuka.

KPT turut berdepan cabaran akses dan capaian internet dalam kalangan penuntut di luar bandar dan pedalaman.

Isu itu timbul apabila kisah pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Veveonah Mosibin, terpaksa berada di atas pokok untuk mendapatkan capaian internet lebih baik bagi menjawab soalan peperiksaan pada 12 Jun lalu.

Isu itu membuka mata kerajaan mengenai perkhidmatan dan capaian internet, justeru KPT dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) memanfaatkan lebih 800 ke mudahan pusat capaian internet di seluruh negara, manakala penuntut UA daripada keluarga B40 diberi pelan data capaian internet.

Turut disediakan bantuan pembiayaan peranti kepada lebih 8,965 penuntut dalam kalangan B40 dan wang tunai RM50 sekali pemberian bagi sesi akademik 2021.

Sebagai menutup tirai 2020, satu kejayaan manis dicapai apabila 10 universiti tempatan berada dalam kelompok 110 universiti terbaik Asia.

Buat julung kalinya, tujuh UA dan tiga universiti swasta berada dalam kelompok itu dengan UM buat kali pertama tersenarai sebagai antara 10 universiti terbaik di Asia.



Aktiviti pengajaran dan pembelajaran IPT dilaksanakan secara dalam talian mulai Mei hingga 31 Disember ini langkah tepat menangani penularan COVID-19.

